



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

AYAH: WIRA TANPA MAHKOTA

Tarikh Dibaca:

**23 ZULHIJJAH 1446H /
20 JUN 2025**

Disediakan oleh:

**Bahagian Dakwah & Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذَا قِيلَ لَهُمْ كُنْزُوا إِلَهُكُمْ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

AYAH: WIRA TANPA MAHKOTA**20 JUN 2025 / 23 ZULHIJAH 1446H**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ

غَلَظُ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾﴾ **التحريم [6]**

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian pada khutbah ini dan janganlah sibuk dengan perkara *lagha* seperti bermain telefon bimbit. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah SWT. Khutbah pada hari ini akan berbicara tentang; “**Ayah: Wira Tanpa Mahkota**”.

Sebelum meneruskan khutbah, saya ingin menyeru sidang Jemaah sekalian untuk terus memanjatkan doa pertolongan kepada Allah SWT agar melindungi, menyelamatkan dan memberi kemenangan kepada penduduk Palestin dalam mempertahankan tanah air mereka. Sesungguhnya doa dari kita semua adalah senjata yang paling ampuh boleh kita salurkan kepada mereka dan hanya kepada Allah SWT jualah tempat yang selayaknya kita memohon pertolongan.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Peranan seorang bapa amat besar dalam pembentukan keluarga yang bahagia. Maka tidak hairanlah Islam menegaskan kepentingan menjaga diri dan keluarga daripada seksaan neraka. Firman Allah SWT dalam Surah at-Tahrim ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ

“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala)”.

Ayat ini bukan sekadar nasihat, ia adalah perintah. Perintah kepada para bapa agar menjadi perisai kepada keluarga mereka. Seorang bapa bukan sahaja wajib menyediakan keperluan zahir seperti makan dan tempat tinggal, malah lebih penting daripada itu ialah mendidik jiwa dan membimbing rohani keluarganya agar hidup dalam redha Allah SWT.

Menjadi ketua keluarga bukan tugas yang ringan. Seorang bapa adalah pejuang yang tidak pernah mengeluh. Dia membanting tulang, memeras keringat siang dan malam demi sesuap rezeki yang halal. Selain membesar dalam kehangatan pelukan ibu, anak-anak juga memerlukan pelukan ketegasan dan kepimpinan seorang ayah yang nanti akan membentuk prinsip, menanam perasaan kasih sayang dan ketahanan diri anak-anak.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kaum lelaki terutamanya mereka yang bergelar bapa ialah mereka yang menjadi perwira dan pejuang kepada sesebuah keluarga. Mereka memimpin dengan iman, menanam akhlak, dan mengukuhkan ekonomi keluarga. Keluarga yang bahagia bukan terhasil dari harta semata-mata, tetapi dari nilai dan didikan yang berakar dari kepimpinan seorang bapa.

Lihatlah realiti hari ini. Ramai bapa yang harus bangun seawal pagi, pulang pula yang paling lewat. Mereka memendam letih dan menyembunyikan resah. Mereka mungkin tidak menangis di depan anak-anak, tetapi hatinya yang paling resah apabila tidak berupaya mencukupkan keperluan keluarganya. Bahkan ada juga para bapa yang setiap hari mengikat perut demi mendahulukan keperluan keluarga berbanding keperluan diri sendiri.

Para bapa sanggup bersusah demi melihat anak-anak mereka berguna di dunia dan akhirat.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Seorang bapa memiliki tanggungjawab yang cukup berat. Bukan hanya untuk **mencari nafkah** buat keluarga, bahkan perlu berperanan sebagai bapa yang *qawwam* kepada keluarga. Peranan ini antaranya;

Memimpin dengan contoh yang baik, termasuk dalam ibadah dan akhlak. Kepimpinan seorang bapa bukan hanya pada kata-kata, tetapi lebih besar kesannya apabila ditunjukkan melalui perbuatan. Anak-anak melihat, meniru dan belajar daripada sikap ayah mereka. Jika seorang bapa menjaga solatnya, menjaga lidahnya, jujur dalam pekerjaan dan lembut dalam tutur kata, maka itulah cerminan yang akan membentuk anak-anaknya.

Keluarga dipimpin dengan menunjukkan teladan. Rasulullah SAW sendiri, meskipun sebagai pemimpin agung, tetap menolong isterinya di rumah, bergurau dengan anak-anak dan menyantuni keluarga dengan penuh kasih. Itulah pemimpin sebenar dalam erti *qawwam*.

Seterusnya bapa perlu menjadi **pembimbing** iaitu mendidik anak-anak dengan ilmu dan akhlak Islam. Bapa perlu menyampaikan ilmu dan mendidik akhlak. Oleh sebab itu, para bapa memiliki terlebih dahulu ilmu-ilmu berkenaan dan diaplikasikan dalam kehidupan. Tugas ini tidak boleh diserahkan sepenuhnya kepada sekolah atau ustaz yang mengajar di masjid dan surau. Bapa perlu menjadi guru pertama dalam hidup anak-anak supaya mereka cinta kepada agama.

Bapa perlu menjadi **pelindung** dalam menjaga keluarga dari anasir buruk dunia luar. Dunia hari ini penuh dengan cabaran dan godaan yang merosakkan sama ada dari media sosial, hiburan yang melampau, ideologi songsang, hingga pergaulan bebas. Seorang bapa yang *qawwam* tidak boleh berpeluk tubuh melihat keluarganya terdedah tanpa perlindungan. Sebagaimana seorang bapa menutup pintu rumah dari pencuri, begitulah dia perlu menutup laluan masuk anasir buruk ke dalam hati anak-anaknya. Dia memagari

mereka dengan ilmu, doa, perhatian dan kasih sayang. Dia menjadi pelindung dari serangan yang tidak kelihatan seperti kerosakan iman dan kehilangan nilai diri.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Kita banyak berhutang budi kepada bapa kita. Sungguhpun mereka tidak bercerita kesusahan yang dialami, sungguhpun mereka jarang bertanya keadaan kita, namun percayalah bahawa merekalah orang yang paling gembira melihat kejayaan anak-anaknya. Merekalah orang yang paling susah hati apabila anak-anak mereka berada dalam kesusahan. Ingatlah juga bahawa setiap kejayaan kita hari ini, tumbuh daripada keringat dan darah yang bapa kita tumpahkan sepanjang hayat mereka. Justeru, taatilah dan kasihilah para bapa selayaknya dan doakanlah kesejahteraan buat mereka. Teruskan berbakti terhadap mereka walau dengan sekecil perkara. Semoga Allah SWT merahmati mereka dan membimbing mereka ke jalan yang diredhai-Nya.

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita hayati beberapa pengajaran;

Pertama: Kita menghargai bapa bukan hanya tertentu pada Hari Bapa, tetapi hargailah mereka selagi hayat dikandung badan.

Kedua: Untuk para bapa, teruslah berusaha memperbaiki diri dengan meningkatkan keilmuan dan keimanan supaya dapat mendidik anak-anak dengan ajaran dan akhlak Islam.

Ketiga: Buat para lelaki, lindungilah kaum wanita dan jangan pergunakan mereka semata-mata demi nafsu. Rasulullah SAW menjadi contoh terbaik kepada kita untuk menyantuni mereka selaras dengan kehendak dan ajaran Islam kerana nanti itulah yang akan dipersoalkan di akhirat.

Renungkan firman Allah SWT:

﴿الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّالِحَاتُ قَنَتٌ حَفِظَتْ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّتِي تَخَافُونَ

نُشَوِّهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا ﴿٣٤﴾

Maksudnya: “Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.

Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolongan-Nya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulalah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٩٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَّالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-فَرْتَوَانِ اَكْخُوكْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاكِ فَرْمَايسُورِي اَكْخُوكْ، رَاكِ زَارِيْثُ صُوفِيَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami sama ada yang kami sedar ataupun tidak. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah, Yang Maha Gagah lagi Maha Perkasa! Lindungilah dan berilah mereka kekuatan serta kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya kepada Engkau jualah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kemarau, banjir, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kesesatan, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kami melainkan dengan pertolongan-Mu jua Ya Allah!

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.